

21/08/2002

150 syarikat IT Bumiputera gulung tikar

Khairul Anuar Samad

SERATUS lima puluh syarikat bernaung di bawah Persatuan Usahawan Komputer Bumiputera (Putra) yang terbabit dalam skim komputer Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mengalami kerugian antara RM100,000 dan RM200,000 akibat pembatalan skim pembelian komputer KWSP.

Kelmarin, KWSP mengumumkan kerajaan membatalkan skim pengeluaran caruman pembelian komputer (SPPK) berkuat kuasa serta-merta.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, pengerusinya, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata, tindakan itu diambil berikutan beberapa penyelewengan yang dikenal pasti berlaku dalam pelaksanaan skim itu.

Pemangku Pengerusi Putra, Zaharuddin Mohd Yusoff berkata, jumlah yang banyak itu terpaksa ditanggung oleh ahli berdasarkan kepada kerugian seperti kos stok simpanan dan pembangunan prasarana operasi.

Malah katanya, terdapat syarikat Bumiputera berkenaan dikatakan terpaksa menanggung kerugian lebih besar lagi.

Di samping itu katanya, pembatalan skim itu juga akan menyaksikan ramai tenaga mahir khususnya pakar dalam teknologi maklumat (IT) kehilangan pekerjaan dan ini sekali gus turut merugikan negara.

"Mereka ini sudah ada latihan dan kemahiran dalam IT, sistem berangkaian dan pengatur cara dan apabila skim ini dihentikan, kepakaran itu mungkin terpaksa dilepaskan berikutan syarikat terpaksa mengurangkan kos operasi.

"Akibat penamatan skim ini, dijangkakan hampir semua syarikat akan melakukan pemecatan pekerjaanya dan Putra menjangkakan hampir 100 peratus syarikat akan berbuat demikian. Ini juga akan merugikan negara kerana kepakaran mereka akan terbiar begitu saja," katanya kepada Berita Komputer, di Kuala Lumpur, semalam.

Selain itu Zaharuddin berkata, syarikat Bumiputera bernaung di Putra dijangka mengecilkan operasi cawangan, iaitu dengan menutup cawangan operasi yang tidak mampu menghasilkan keuntungan akibat penamatan skim itu.

Katanya, Putra menjangkakan banyak syarikat terbabit dengan skim berkenaan akan menutup cawangan mereka untuk menjimatkan kos operasi dan terdapat di kalangan mereka terpaksa menamatkan sehingga 90 peratus operasi cawangan.

"Malah Putra mendapati antara syarikat berkenaan kemungkinan hanya akan mengekalkan operasi ibu pejabat atau menamatkan operasi induknya akibat penamatan skim itu.

Beliau kecewa dengan penamatan skim yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap sebagai platform untuk meningkatkan tahap literasi IT negara, khususnya untuk masyarakat luar bandar.

"Skim ini boleh dianggap unik serta pertama di dunia dan Putra berharap pembatalannya ditarik balik untuk kepentingan pihak yang amat memerlukannya. Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga," katanya.